

## PENGGUNAAN “JIGSAW AL-FĪL” DALAM MEMBANTU MURID MENGHAFAZ SURAH AL-FĪL

NURUL AMANINA BINTI MOHD HUSSIN

nieynahussin@gmail.com

### ABSTRAK

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk meningkatkan kemahiran murid dalam menghafaz surah *Al-Fīl* melalui penggunaan “Jigsaw *Al-Fīl*”. Selain itu, kajian ini turut berfokuskan kepada meningkatkan amalan pengajaran pengkaji terhadap murid melalui penggunaan “Jigsaw *Al-Fīl*” dalam Hafazan surah *Al-Fīl*. Kajian ini melibatkan empat orang murid dari Tahun Tiga sebagai peserta kajian di salah sebuah sekolah rendah di Kuching. Peserta kajian dipilih berdasarkan tahap pencapaian murid dalam mata pelajaran Pendidikan Islam. Sebanyak empat instrumen pengumpulan data yang digunakan untuk kajian ini iaitu Ujian Sebelum Tindakan dan Selepas Tindakan, pemerhatian, borang maklum balas dan temu bual. Daripada tinjauan awal melalui Ujian Sebelum, peserta kajian tidak dapat menomborkan Surah *Al-Fīl* mengikut urutan yang betul. Hasil penggunaan “Jigsaw *Al-Fīl*” menunjukkan peratusan peningkatan pencapaian keempat-empat peserta kajian iaitu masing-masing sebanyak 100% dan 60% manakala dua orang lagi sebanyak 80%. Hasil kajian menunjukkan kesemua peserta kajian mampu menghafaz dengan kaedah yang pelbagai serta menarik. Kaedah dalam kemahiran menghafaz harus dipelbagaikan di samping kaedah ini akan diaplikasikan dalam surah lain pada masa akan datang.

**Kata kunci:** *Jigsaw, surah Al-Fīl, Hafazan, warna, permainan.*

### PENGENALAN

Dalam era baru yang serba moden ini, banyak berlaku penyelewengan ajaran sesat serta cubaan untuk memalsukan ayat-ayat dalam Al-Qur’ān. Menurut Norhanan (2009), di akhir zaman ini penyelewengan telah banyak tersebar di kalangan umat Islam terutamanya dalam urusan agama. Oleh itu, adalah penting untuk kita semua menghafaz Al-Qur’ān. Allah SWT berfirman dalam Surah *Al-Ankabut* ayat 49;

بَلْ هُوَ آيَاتٌ بَيِّنَاتٌ فِي صُدُورِ الَّذِينَ أُوتُوا الْعِلْمَ وَمَا يَجْحَدُ بِآيَاتِنَا إِلَّا الظَّالِمُونَ

*Maksudnya: Bahkan Al-Qur’ān itu adalah ayat-ayat yang nyata, yang ada di dalam dada orang-orang yang diberi ilmu.*

*(Al-Ankabut, 29: 49)*

Petikan surah ini menunjukkan bahawa ciri-ciri orang yang berilmu adalah mereka yang mempunyai Al-Qur’ān dalam dada mereka iaitu mereka yang dapat menghafaz Al-Qur’ān. Justeru itu, menghafaz Al-Qur’ān merupakan satu elemen yang sangat penting dalam usaha mempertahankan kesucian agama Islam kerana Al-Qur’ān merupakan panduan utama umat Islam dalam segenap hal. Namun begitu, apa yang menjadi kebimbangan saya adalah dari segi amalan dan penghayatan murid terhadap suruhan menghafaz Al-Qur’ān. Sebagai seorang bakal pendidik yang tidak mahu masa hadapan umat Islam musnah, saya berusaha mencari jalan untuk menyelesaikan masalah yang timbul ini.

## FOKUS KAJIAN

Pengajaran mata pelajaran Pendidikan Islam di sekolah rendah terbahagi kepada beberapa bidang seperti bidang Tilawah Al-Qur'an, Ulum Syariah, Jawi dan juga Hadith. Semasa saya menjalani Praktikum Fasa 2 dan juga *internship* di sebuah sekolah sekitar Kuching, saya mendapati bahawa tahap penguasaan bacaan murid sangat membimbangkan terutama sekali dalam bidang Hafazan Al-Qur'an. Hal ini dapat dikesan sewaktu saya mengajar dalam sebuah kelas Tahun Tiga. Melalui pemerhatian yang dijalankan, terdapat beberapa murid yang meniru pergerakan bibir rakan mereka semasa bacaan hafazan secara kelas.

Bagi mengukuhkan lagi pemerhatian yang dilakukan, saya telah mengedarkan Ujian Sebelum kepada murid-murid. Akhirnya, saya dapat mengenal pasti beberapa orang murid yang mempunyai masalah sukar untuk menghafaz Surah *Al-Fil*. Saya juga mendapati bahawa murid-murid kurang meminati bidang Hafazan Al-Qur'an. Hal ini menyebabkan bidang Hafazan Al-Qur'an menjadi sukar buat mereka. Harfiezul (2015) menyatakan bahawa pelaksanaan kaedah Hafazan yang tidak sesuai akan memberi impak yang besar kepada murid kerana murid akan merasa sukar menghafaz Al-Qur'an serta memberi tanggapan negatif kepada usaha menghafaz Al-Qur'an.

Menurut Bogdan dan Bilken (1992), analisis data kualitatif merupakan suatu proses sistematik mencari dan menyusun data serta maklumat yang dikumpul oleh penyelidik. Setelah data-data dikumpulkan, saya akan membuat perbandingan antara satu data dengan data yang lain bagi mengesahkan lagi maklumat yang telah saya perolehi. Saya telah menggunakan empat instrumen dalam kajian ini sebagai kaedah pengumpulan data. Antara instrumen yang saya gunakan ialah Ujian Sebelum dan Selepas (tulisan dan lisan), borang maklum balas, pemerhatian dan juga temu bual.

## OBJEKTIF DAN PERSOALAN KAJIAN

### Objektif Kajian

- 1) Membantu murid menghafaz Surah *Al-Fil* dengan menggunakan *Jigsaw Al-Fil*.
- 2) Meningkatkan minat murid dalam Hafazan Surah *Al-Fil* melalui penggunaan *Jigsaw Al-Fil*.
- 3) Meningkatkan amalan pengajaran pengkaji dalam sesi PdPc dengan menggunakan "*Jigsaw Al-Fil*" dalam menghafaz Surah *Al-Fil*.

### Persoalan Kajian

- 1) Adakah penggunaan "*Jigsaw Al-Fil*" dapat membantu murid untuk menghafaz Surah *Al-Fil* dengan berkesan?
- 2) Adakah penggunaan "*Jigsaw Al-Fil*" berjaya menarik minat murid menghafaz Surah *Al-Fil*?
- 3) Adakah penggunaan "*Jigsaw Al-Fil*" dalam sesi PdPc berkesan dalam menambah baik amalan pengajaran pengkaji?

## PESERTA KAJIAN

Kesemua peserta kajian adalah seramai empat orang murid yang terdiri daripada tiga orang lelaki dan seorang perempuan dari kelas tahun Tiga di sebuah sekolah sekitar Kuching. Dari aspek pencapaian dalam bidang Hafazan Al-Qur'an, keempat-

empat peserta kajian mendapat peratus markah yang rendah dalam Ujian Sebelum pada 10 Julai 2017 yang dilaksanakan sebelum tindakan dijalankan. Peserta kajian ini mempunyai masalah sukar untuk menghafaz surah Hafazan serta ada yang keliru antara satu ayat dengan ayat yang lain. Menurut Chuah (2005), pengkaji berperanan sebagai orang dalaman (*insider*) untuk menambah baik amalan P&P dan sendiri manakala berperanan sebagai orang luar (*outsider*) ketika mengumpul data kesan bagi membaiki kualiti tindakan. Oleh itu, saya juga merupakan salah seorang peserta kajian dalam aspek untuk meningkatkan amalan pengajaran saya di dalam kelas.

## TINDAKAN YANG DIJALANKAN

Fokus saya dalam kajian ini ialah untuk membantu murid menghafaz Surah *Al-Fil*, meningkatkan minat murid dalam hafazan Surah *Al-Fil* serta menambah baik amalan pengajaran saya. Menurut Emilyza (2013), penggunaan strategi yang pelbagai untuk mengajar kemahiran menghafaz Al-Qur'an dapat membantu amalan pengajaran guru. Bagi menyelesaikan semua permasalahan ini saya telah membuat satu inovasi ke atas suatu bahan yang saya namakan sebagai *Jigsaw Al-Fil* seperti yang terdapat dalam Rajah 1. Ahmad (2011) menyatakan bahawa permainan merupakan keperluan semula jadi bagi kanak-kanak. Situasi bermain ini boleh digunakan dalam pengajaran guru di bilik darjah bagi mencapai objektif pengajaran. Hal ini kerana, bermain dapat memberikan kegembiraan dan peluang bagi murid melahirkan perasaan, meneroka serta mencuba dan meningkatkan kemahiran.

Cara penggunaan bahan ini ialah saya telah membahagikan ayat-ayat Surah *Al-Fil* kepada beberapa warna. Setelah kepingan-kepingan jigsaw tersebut diselerakkan, murid akan mengelaskan terlebih dahulu kepingan-kepingan tersebut mengikut warna. Setelah menyusun mengikut warna, murid akan memadankan *jigsaw* tersebut membentuk satu ayat demi ayat mengikut warna-warna tertentu. Menurut Ansar (2017), daya seseorang dapat dikembangkan melalui latihan seperti latihan mengamati benda atau gambar, latihan mendengarkan bunyi atau suara, latihan mengingat kata, arti kata, latihan melihat letak suatu kota dalam peta.




Rajah 1. Jigsaw *Al-Fil*

Dari aspek pelaksanaan pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) pula terlebih dahulu saya akan menjalankan Ujian Sebelum (lisan) terhadap peserta kajian. Kemudian setelah selesai saya menerangkan arahan, peserta kajian akan menyambung kepingan-kepingan *jigsaw* dengan berpandukan kepada contoh surah. Peserta kajian akan diberikan masa menghafaz Surah *Al-Fil* secara berpasangan. Seterusnya, saya akan menguji keupayaan murid untuk menghafaz dengan cara menceraikan semula kepingan *jigsaw* tersebut dan murid akan menyusunnya semula buat kali kedua tanpa merujuk kepada contoh surah. Langkah ini boleh dilakukan secara berulang kali untuk mengukuhkan lagi ingatan murid. Akhir sekali saya akan menjalankan Ujian Selepas (lisan) terhadap murid untuk melihat peningkatan pencapaian murid.

## DAPATAN KAJIAN

**Penggunaan “Jigsaw Al-Fil” dapat membantu murid untuk menghafaz Surah Al-Fil dengan berkesan.** Berdasarkan Ujian Lisan Sebelum Tindakan yang dijalankan, keempat-empat peserta kajian memperoleh peratus markah yang rendah iaitu masing-masing sebanyak 40% dan 0% manakala dua orang lagi mendapat 20%. Namun setelah tindakan kitaran pertama dan kedua dilaksanakan ternyata berlaku perubahan yang drastik terhadap peserta kajian. Rajah 2 menunjukkan analisis Ujian Lisan Sebelum Tindakan dan Ujian Lisan Selepas Tindakan.



**Rajah 2. Perbandingan Ujian Lisan Sebelum dan Selepas Tindakan**

Carta bar di atas menunjukkan perbandingan markah yang ketara selepas kaedah *Jigsaw Al-Fil* diperkenalkan. Saya telah mengukuhkan data yang diperolehi dengan menggunakan instrumen pemerhatian. Pemerhatian yang dijalankan adalah pemerhatian yang berstruktur dan perlu kepada borang senarai semak. Pemerhatian ini dijalankan ke atas keempat-empat orang peserta kajian. Hasil dapatan instrumen pemerhatian boleh dilihat seperti dalam Jadual 1.

**Jadual 1**

### ***Analisis Instrumen Pemerhatian***

Bil	Item	Bilangan murid mendapat “YA”		Peratus Peningkatan (%)
		Sebelum tindakan(%)	Selepas tindakan(%)	
1.	Seronok dengan aktiviti yang dijalankan.	1/4 (25%)	4/4 (100%)	75%

2.	Menunjukkan reaksi dan bahasa badan yang bersemangat.	0/4 (0%)	4/4 (100%)	100%
3.	Dapat menyambungkan <i>Jigsaw Al-Fil</i> dengan padanan yang betul.	0/4 (0%)	4/4 (100%)	100%
4.	Dapat membaca surah Hafazan dengan lancar.	0/4 (0%)	4/4 (100%)	100%
5.	Dapat menomborkan ayat 1-5 Surah <i>Al-Fil</i> dengan betul.	0/4 (0%)	4/4 (100%)	100%

Dalam item yang ketiga dan keempat, analisis dapatan akhir selepas tindakan dijalankan ialah kesemua peserta kajian dapat menyambungkan *Jigsaw Al-Fil* dengan padanan yang betul dengan peratus peningkatan sebanyak 100%. Di samping itu, peserta kajian juga dilihat dapat membaca surah Hafazan terutamanya Surah *Al-Fil* dengan lancar. Ternyata tindakan yang dilaksanakan telah berjaya membantu murid menghafaz Surah *Al-Fil*. Oleh itu, saya bersetuju dengan pernyataan bahawa penggunaan *Jigsaw Al-Fil* dapat membantu peserta kajian untuk menghafaz Surah *Al-Fil* dengan lebih berkesan.

**Penggunaan “Jigsaw Al-Fil” berjaya menarik minat murid menghafaz Surah Al-Fil.** Bagi menjawab persoalan kajian yang kedua ini, saya telah menggunakan instrumen borang senarai semak pemerhatian. Dengan menggunakan kaedah *Jigsaw Al-Fil*, peserta kajian dilihat telah berjaya menunjukkan peningkatan kemajuannya dalam Hafazan Surah *Al-Fil*. Selain daripada hasil dapatan pemerhatian, keberkesanan penggunaan *Jigsaw Al-Fil* ini turut disokong dengan hasil dapatan daripada temu bual. Dapatan pemerhatian menggunakan borang senarai semak boleh dilihat dalam Jadual 2 di bawah. Berdasarkan Jadual 2, peratus murid yang mendapat ‘Ya’ pada item 1 ialah sebanyak 25% sahaja sebelum tindakan dijalankan manakala bagi item 2-5 tidak ada murid yang mendapat Ya. Namun selepas penggunaan *Jigsaw Al-Fil* diperkenalkan, peratus peningkatan jawapan ‘Ya’ bagi item 2-5 ialah sebanyak 100%. Melalui data awal yang diperolehi ini ternyata sebelum tindakan dilaksanakan keempat-empat murid tidak menunjukkan reaksi berminat dan suka dengan kaedah pengajaran guru. Namun setelah tindakan dijalankan data akhir yang diperolehi menunjukkan perubahan bahawa murid sudah mula meminati bidang Hafazan Al-Qur’ān . Oleh itu, dapat disimpulkan di sini bahawa kaedah *Jigsaw Al-Fil* ini mampu meningkatkan minat peserta kajian terhadap bidang Hafazan Al-Qur’ān.

## Jadual 2

### **Analisis Instrumen Pemerhatian**

Bil	Item	Bilangan murid mendapat “YA”		Peratus Peningkatan (%)
		Sebelum tindakan (%)	Selepas tindakan (%)	
1.	Seronok dengan aktiviti yang dijalankan.	1/4 (25%)	4/4 (100%)	75%
2.	Menunjukkan reaksi dan bahasa badan yang bersemangat.	0/4 (0%)	4/4 (100%)	100%
3.	Dapat menyambungkan <i>Jigsaw Al-Fil</i> dengan padanan yang betul.	0/4 (0%)	4/4 (100%)	100%
4.	Dapat membaca surah Hafazan dengan lancar.	0/4 (0%)	4/4 (100%)	100%
5.	Dapat menomborkan ayat 1-5 Surah <i>Al-Fil</i> dengan urutan yang betul.	0/4 (0%)	4/4 (100%)	100%


Bagi mengesahkan data yang diperolehi, saya telah menggunakan instrumen temu bual ketika menemu bual peserta kajian. Temu bual merupakan kaedah terbaik untuk mendapatkan maklumat daripada peserta kajian dengan lebih mendalam. Pendapat ini disokong oleh Rosinah (2011) yang juga berpendapat bahawa temu bual digunakan untuk mendapatkan maklumat lebih lanjut tentang peserta kajian seperti fakta, kepercayaan, hasrat dan juga kehendak. Rajah 3 menunjukkan transkrip temu bual selepas tindakan bersama keempat-empat peserta kajian. Melalui hasil dapatan temu bual ini telah dapat menjawab persoalan kajian kedua iaitu penggunaan *Jigsaw Al-Fil* mampu meningkatkan minat murid untuk menghafaz Surah *Al-Fil*.

TRANSKRIP TEMU BUAL MURID		
(Selepas tindakan)		
Soalan	Respon Murid	Catatan
<b>Soalan 1</b>	<b>Adakah anda meminati mata pelajaran Pendidikan Islam?</b>	
Murid A	Kamek paling minat subjek tok kinek.	
Murid B	Minaaaaat sangat-sangat ustazah. Ustazah ajar best..	
Murid C	Aok, kamek minat dah dengan subjek tok lepas ustazah ajar. Kamek suka main <i>Jigsaw</i> ya..	
Murid D	Minat ehh ustazah..(tersengih-sengih)	
<b>Soalan 2</b>	<b>Adakah anda berasa seronok menghafaz Surah <i>Al-Fil</i>?</b>	
Murid A	Best adaa jak ustazah. Kamek mok gik lain kali.	
Murid B	Kamek suka sambung <i>Jigsaw</i> yaa..sambil kamek sambung kamek dapat hafal juak Surah <i>Al-Fil</i> (tersipu-sipu malu)	
Murid C	Bestt ae ustazah..kelak main agik owh..	
Murid D	Mesti la best ustazah...	

**Rajah 3. Transkrip Temu Bual Selepas Tindakan**

**Penggunaan “*Jigsaw Al-Fil*” dalam sesi PdPc berkesan dalam menambah baik amalan pengajaran pengkaji.** Dalam kajian ini, saya dapat membantu peserta kajian dengan memperkenalkan kaedah *Jigsaw Al-Fil*. Hal ini bersesuaian dengan pendapat McNiff (2010) iaitu penyelidikan tindakan merupakan suatu cara praktikal melihat tugas sendiri yang melibatkan tindakan membuat refleksi dan menilai amalan sendiri di samping mengambil tindakan untuk menambah baik sebarang situasi dalam amalan yang tidak memuaskan.

Penggunaan kaedah *Jigsaw Al-Fil* juga telah meningkatkan keprihatinan dalam diri saya tentang masalah yang dihadapi oleh murid-murid sekolah rendah terutamanya dalam bidang Hafazan Al-Qur’an . Dalam kajian ini saya terlebih dahulu membuat tinjauan awal dengan mengedarkan Ujian Sebelum (Tulisan) kepada murid bagi mengenal pasti masalah sebenar yang dihadapi oleh peserta kajian. Melalui Ujian Sebelum tersebut, saya mendapati peserta kajian tidak dapat menomborkan susunan ayat 1-5 Surah *Al-Fil* mengikut turutan yang betul. Hal ini dapat membuktikan bahawa peserta kajian menghadapi masalah untuk menghafaz Surah *Al-Fil*. Rajah 4 di bawah menunjukkan perbandingan keputusan Ujian Sebelum Tindakan dan Selepas Tindakan (Tulisan) Murid B pada 10 Julai 2017 iaitu sebelum dan selepas tindakan dijalankan



**Rajah 4. Ujian Sebelum Tindakan dan Ujian Selepas Tindakan Murid B**

Setelah dianalisis keempat-empat peserta kajian tidak dapat menghafaz Surah *Al-Fil* dengan betul. Hal ini membuktikan bahawa kesemua peserta kajian ini memerlukan bimbingan oleh guru bagi mengatasi masalah yang dihadapi oleh mereka. Jadual 3 di bawah merupakan analisis perbandingan Ujian Sebelum dan Selepas Tindakan (Tulisan). Terdapat peratus peningkatan pencapaian bagi keempat-empat peserta kajian iaitu masing-masing sebanyak 100% dan 60% manakala dua orang lagi sebanyak 80%. Secara tidak langsung dapatan ini telah berjaya membuktikan dan menjawab persoalan kajian ketiga iaitu penggunaan *Jigsaw Al-Fil* berjaya menambah baik amalan pengajaran pengkaji.

**Jadual 3**

**Analisis Perbandingan Ujian Sebelum Tindakan dan Selepas Tindakan (Tulisan)**

Murid	Markah Ujian Sebelum (Tulisan) (%)	Markah Ujian Selepas (Tulisan) (%)	Peratus Peningkatan (%)
A	40%	100%	60%
B	20%	100%	80%
C	0%	100%	100%
D	20%	100%	80%

Dapatan ini turut disokong dengan analisis temu bual dalam Rajah 5 di bawah yang mana peserta kajian menyatakan bahawa mereka sudah mula menyukai pengajaran guru selepas tindakan dilaksanakan. Hal ini membuktikan bahawa amalan pengajaran pengkaji telah berjaya ditambah baik.

Soalan	Respon Murid	Catatan
<b>Soalan 3</b>	<b>Adakah sekarang anda menyukai pengajaran guru?</b>	
Murid A	Aok, kinek tok suka laa. Mun dulu ya kamek sik suka ustazah yaa ajar.	
Murid B	Kamek sayang ustazah. Mesti lah kamek suka semua yang ustazah ajar.	
Murid C	Sukaaaa..	
Murid D	Suka! Kamek suka main juak.	

**Rajah 5. Transkrip Temu Bual**

Dengan penggunaan *Jigsaw Al-Fil* dalam penyelidikan tindakan ini, saya dapat mempelbagaikan kaedah pengajaran agar dapat menarik minat peserta kajian untuk belajar. Selain daripada menggunakan kaedah *talaqqi musyafahah* dan *tikrar*, saya

juga telah menyelitkan unsur bermain dalam kaedah pengajaran supaya murid-murid berasa seronok kerana dapat bermain sambil belajar. Kesimpulannya, hasil penggunaan kaedah *Jigsaw Al-Fil* berjaya menambah baik amalan pengajaran saya khususnya dalam bidang Hafazan Al-Qur'ān .

## REFLEKSI

Semasa melaksanakan kajian ini, banyak perkara yang dapat saya pelajari terutama sekali pengalaman semasa melaksanakan Pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc). Antara perubahan yang berlaku adalah perubahan sikap murid iaitu peserta kajian yang terlibat dalam kajian ini telah menunjukkan perubahan yang amat baik sekali. Sebelum kajian dilaksanakan, melalui dapatan kajian dapat diketahui bahawa peserta kajian kurang meminati subjek Pendidikan Islam. Namun setelah dilakukan tindakan dan sedikit penambahbaikan, peserta kajian sudah mula menunjukkan minat terhadap subjek Pendidikan Islam terutama sekali bidang Hafazan Al-Qur'ān ini. Hal ini membuktikan bahawa sebagai seorang guru dan juga pengkaji kita berpotensi untuk menyelesaikan apa jua masalah yang timbul di kemudian hari kelak tanpa berputus asa.

Seterusnya, melalui kajian tindakan ini juga saya dapat menambah baik kualiti saya sebagai seorang bakal Guru Pendidikan Islam. Melalui penggunaan kaedah *Jigsaw Al-Fil*, murid kelihatan begitu seronok sepanjang sesi PdPc berlangsung. Berbeza sekali dengan sesi yang dijalankan sebelum tindakan dilaksanakan murid-murid kelihatan agak bosan dan kurang menumpukan perhatian terhadap pengajaran guru. Dengan perubahan murid ini dapat membuktikan bahawa kualiti pengajaran guru telah dapat ditingkatkan. Justeru itu, sebagai seorang bakal guru kita merupakan seorang penyelidik dan hendaklah sentiasa bersedia untuk mengenal pasti sebarang masalah pembelajaran yang dihadapi murid seterusnya mencari jalan untuk mengatasi masalah tersebut.

Kesimpulannya, kita sebagai seorang pendidik hendaklah sentiasa berusaha untuk menambah ilmu pengetahuan khususnya pengetahuan yang berkaitan dengan Pendidikan Islam supaya pembelajaran sepanjang hayat dapat dizahirkan. Saya berharap agar kajian yang telah saya laksanakan ini dapat memberi kesan dan impak yang positif bukan sahaja kepada diri saya tapi juga kepada semua murid dan guru-guru di sekolah. Akhir sekali, sebagai seorang pendidik saya tidak akan pernah berhenti daripada membudayakan budaya penyelidikan dalam kerjaya seorang guru supaya manfaat daripada kajian tersebut dapat dikongsikan kepada lebih ramai orang lagi.

## CADANGAN TINDAKAN SUSULAN

Kajian ini telah dijalankan dengan beberapa batasan kajian. Semestinya setiap pengkaji tidak mahu kajian yang telah mereka laksanakan terhenti setakat itu sahaja. Begitu juga dengan diri saya sendiri yang masih mentah dalam profesion perguruan ini dan sudah tentulah semangat seorang guru sentiasa berkobar-kobar untuk mencari jalan penyelesaian bagi setiap masalah yang timbul. Berdasarkan kepada kajian ini, saya ingin mencadangkan beberapa kajian lanjutan yang mungkin boleh diteruskan oleh para pengkaji yang lain tidak kiralah pengkaji yang sudah profesional mahupun pengkaji yang masih baru dalam dunia penyelidikan ini.

Antara cadangan saya untuk tindakan susulan yang mungkin boleh dilakukan pada masa akan datang ialah dengan mengaplikasikan kaedah permainan "*Jigsaw Al-Fil*" ini ke dalam surah-surah lain yang terdapat dalam bidang Hafazan Al-Qur'ān seperti



Surah *Al-Zalzalah*, *Al-Adiyat* dan Surah *Al-Falaq*. Menerusi kajian ini saya yakin bahawa para penyelidik dan guru lain dapat mengembangkan kaedah ini dengan lebih meluas. Hal ini kerana, menjadi lumrah murid ataupun kanak-kanak suka kepada permainan. Oleh itu, sudah tiba masanya penambahbaikan dilakukan terhadap kaedah pengajaran Hafazan agar murid lebih meminati bidang ini. Melalui tindakan susulan ini kebolegunaan kaedah ini juga akan dapat dimaksimumkan ke tahap lebih tinggi.

Saya berharap agar kajian tindakan ini dapat membantu menyelesaikan masalah murid yang tidak menguasai bidang Hafazan seterusnya dapat menambah baik persepsi murid terhadap bidang ini seperti kata pepatah *tak kenal maka tak cinta*. Seiring dengan zaman yang turut berubah mengikut arus globalisasi kini, kita mahu generasi yang dilahirkan ini bukan sekadar celik IT malahan juga celik Al-Qur'an. Sesungguhnya Al-Qur'an itu merupakan panduan yang harus dipegang sehingga tibanya Hari Kiamat.

## RUJUKAN

*Al-Qur'an al-Karim*.

Ahmad Mohd Salleh. (2011). *Kurikulum, Metodologi dan Pedagogi Pengajian Islam*. Selangor: Oxford Fajar.

Ansar Zainuddin. (2017). *Teori-teori Belajar Dalam Pembelajaran Pendidikan Agama Islam*. Diakses pada 30 Januari 2018, daripada <http://www.kumpulanmakalah.com/2016/03/teori-teori-belajar-ddalampembelajaran.html>

Bogdan, R.C. & Bilken, S.K. (1992). *Qualitative research for education*. (Edisi Kedua). Boston: Ally & Bacon.

Chuah, K.H. (2005). Pelaksanaan Penyelidikan Tindakan Pendidikan: Menyingkap Isu Metod PT. Dalam *Prosiding Seminar Penyelidikan Tindakan 2005*, ms 138-146. Diakses pada 22 Februari 2018, daripada <http://www.ipbl.edu.my/portal/penyelidikan/seminarpapers/SemAR2005>.

Emilyza Fazliana Kamal. (2013). *Kaedah Perdebat Surah Al-Fil*. Pelaporan Ijazah Sarjana Muda. Institut Pendidikan Guru Kampus Batu Lintang.

Harfiezul Pogi. (2015). *Pertandingan Berkumpulan: Cara Cepat Murid 5 Ali Menghafaz Al-Qur'an*. Pelaporan Ijazah Sarjana Muda. Institut Pendidikan Guru Kampus Batu Lintang.

McNiff, J. (2010). *Action Research for Professional Development*. Poole, Dorset: September Books.

Norhanan Abdul Rahman. (2009). *Kaedah Hafazan Al-Qur'an Sistem Turki: Kajian di Tahfiz Al-Qur'an Darul Tuba*. Universiti Teknologi Malaysia.

Rosinah Edinin. (2011). *Penyelidikan Tindakan: Kaedah dan Penulisan*. Kuala Lumpur: Freemind Horizons.